

WASIAT DAN PROSEDUR PENGURUSAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Muhammad Nabeel Alia Bin Ngadnan

Calon Sarjana Syariah dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Emel: elnabeelalia@gmail.com

Dr. Mohd Musa Bin Sarip

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Emel: mmusa@kuis.edu.my

Dr. Fakhri Bin Sungit

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Emel: fakhri@kuis.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini berkaitan dengan konsep wasiat dan prosedur pengurusannya di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pengurusan harta wasiat di MAIS telah mula dilaksanakan sejak tahun 2005 di bawah unit wasiat dan amanah. Ianya telah tertakluk dibawah Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri (Selangor) 1999. Objektif pengurusan harta wasiat di MAIS adalah untuk mentadbir urus harta-harta wasiat dengan sistematik setelah kematian pewasiat dan menyerahkan harta tersebut kepada orang yang telah diwasiatkan harta kepadanya. Justeru itu, objektif penulisan yang ingin dicapai adalah untuk menerangkan konsep wasiat dalam islam dan bagaimana prosedur pelaksanaan yang dijalankan di MAIS dalam menguruskan harta wasiat. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui dokumen dan rujukan-rujukan yang ada di Majlis Agama Islam Selangor. Kajian ini turut menggunakan kaedah perpustakaan melalui rujukan-rujukan kitab, jurnal dan bahan bacaan lain.

Kata Kunci: Harta, Wasiat, MAIS, Prosedur, Pewasiat

1. Pengenalan

Mengurus dan merancang harta adalah perkara yang sangat digalakkan dalam islam. Ianya bukan lagi suatu pilihan tetapi adalah satu keperluan terutama apabila wujud keadaan yang mewajibkan kita melaksanakan tuntutan tersebut. Dalam konteks ini, islam menggalakkan umatnya mengurus harta dengan memberi manfaat kepada orang-orang atau badan-badan tertentu melalui instrumen wasiat. Hal ini dapat memberikan kebaikan kepada empunya harta sebagai tambahan amal dan kepada penerima wasiat sebagai alat untuk meberikan posisi hidup yang lebih sempurna. Walaubagaimanapun, pelaksanaan wasiat tertakluk kepada hukum syarak dan tidak boleh dilakukan dengan sewenangnya kerana ianya akan menambah kecelaruan di kalangan ahli kerabat yang terdekat.

Oleh yang sedemikian, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui unit Baitulmal adalah satu badan yang berperanan dalam mengurus permohonan, penyimpanan dan pelaksanaan sesuatu wasiat dalam kalangan orang beragama islam. Peranan ini dapat dilihat melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh MAIS untuk memberikan kelancaran dalam melakukan proses wasiat. Sekaligus dapat memberikan satu sudut pandang yang baik dalam maqasid pelaksanaan wasiat yang diterapkan dalam islam. Jika diamati kepada setiap pensyariatan dalam islam, didapati bahawa setiap pensyariatan itu mempunyai tujuan atau maqasid yang ingin dicapai.

Oleh itu, kertas kerja ini ingin mengupas dan menjelaskan serba sedikit berkenaan wasiat secara am serta prosedur yang diterapkan di Majlis Agama Islam Selangor.

2. Konsep Wasiat

Wasiat telah lama diamalkan dalam ketamadunan manusia. Amalan ini telah diamalkan sejak zaman masyarakat Rom dahulu, ketua keluarga berhak menghalang anaknya daripada menjadi pewaris dengan mewasiatkan harta kepada sesiapa sahaja. Manakala dalam masyarakat arab jahiliyyah pula membuat wasiat kepada orang lain adalah satu perkara yang menjadi kebanggaan dan membiarkan kaum kerabat dalam kefakiran dan kesempitan. Kemudian islam telah datang untuk membetulkan sudut pandang wasiat dengan meletakkan konsep kebenaran dan keadilan sebagai tunjang dalam membuat wasiat. Maka ketika itu, islam mengharuskan orang-orang yang memiliki harta untuk membuat wasiat kepada keluarga terdekat sebelum turunnya perintah mengenai harta warisan (Wahbah Zuhaili, 1985).

Dalilnya Firman Allah:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمُؤْمِنُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۝ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ۝ ١٨٠

Mafhumnya: “Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.” (Al-Baqarah:180)

Namun demikian, kewajipan berwasiat ini telah dimansuhkan dengan ayat-ayat dan hadis-hadis yang berkaitan pusaka. Walaupun begitu amalan ini masih digalakkan dengan had maksima 1/3 dan ditujukan kepada selain pewaris. (Dr. Muhammad Bin Abdurrahman)

3. Definisi Wasiat

Perkataan “wasiat” daripada sudut etimologinya berasal daripada perkataan “*wassa*” dalam Bahasa Arab yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan, atau pemberian harta selepas mati. (Muhammad Masnur Hamzah, 2012) Dalam Bahasa Arab, wasiat bererti: “meminta seseorang untuk melakukan sesuatu perkara pada ketidaan dirinya, sama ada ketika hayatnya ataupun selepas kematiannya”. Wasiat juga diertikan sebagai suatu kehendak yang di penghabisan yang disampaikan oleh orang yang hampir meninggal. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007).

Manakala daripada sudut istilah wasiat adalah pemberian atau sumbangan harta oleh seseorang kepada orang atau pihak lain setelah dia meninggal sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak. (Abdul Rashid Haji Abdul Latif, 1986)

Manakala daripada sudut terminologi fiqhnya, kesemuanya merujuk kepada “pemilikan harta yang dilaksanakan selepas kematian, yang dilakukan secara *taṭawwu'*, sama ada wasiat tersebut berupa sesuatu benda ataupun manfaat”. (Dr. Wahbah Zuhaili, 1985)

4. Dalil Pensyariatan Wasiat

Pensyariatan wasiat didasarkan kepada nas Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak. (Dr. Mustafa al-Bugho et al, 1985)

1. Nas-nas Al-Quran

Pada permulaan Islam, berwasiat adalah wajib kepada ibu bapa dan kaum kerabat terdekat bagi mereka yang memiliki harta yang banyak berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمُؤْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا وَصِيَّةً لِلْوَالَّدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۚ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴾ ١٨٠

Mafhumnya: “Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah, Ayat 180)

Kebanyakan para sahabat antaranya Sayidina Abu Bakar, Ali bin Abi Talib, Ibn ‘Umar dan Imam Syafi‘i berpendapat bahawa hukum wajib ini telah dimansuhkan dengan turunnya ayat al-mawarith (ayat 11, 12 dan 176, Surah al-Nisa’), iaitu ayat yang secara khusus menyentuh peruntukan bahagian-bahagian yang telah ditetapkan kepada waris-waris dalam pembahagian harta pusaka. Dengan turunnya ayat tersebut, amalan berwasiat menjadi suatu perbuatan yang digalakkan (disunatkan) kepada keluarga yang terdekat yang tidak mendapat harta pusaka dan yang bukan waris.

Pensyariatan wasiat juga diambil daripada Surah An-Nisa’, Ayat 11. Firman Allah S.W.T.:

﴿مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۚ

Mafhumnya: “(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya”. (Surah An-Nisa’, Ayat 11) Allah mensyariatkan pembahagian pusaka selepas menjelaskan hutang dan wasiat. Ini menunjukkan bahawa wasiat adalah harus hukumnya.

2. Sunnah Rasulullah S.A.W.

Terdapat banyak hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan dalil pensyariatan wasiat, di antaranya adalah sabda Rasulullah S.A.W yang mafhumnya.:

“Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya”. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim) (Hadis 1627)

Sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang lain:

Maksudnya: Sa‘ad bin Abi Waqqas R.A. berkata: “Rasulullah S.A.W. datang mengunjungiku pada tahun haji Wada’ sewaktu aku dalam keadaan yang sangat sakit, lalu aku bertanya: “Hai Rasulullah!, Sakitku ini adalah sangat serius. Bagaimana

pendapat tuan. Aku ini orang berada tetapi tidak ada yang dapat mewarisi hartaku melainkan anak perempuanku seorang. Apakah sebaiknya aku wasiatkan 2/3 hartaku?” “Jangan”, jawab Rasulullah. Separuh ya Rasulullah? Sambungku lagi. Jawab Rasulullah: “Jangan, sepertiga. Sebab sepertiga itu banyak dan besar, kerana jika kamu meninggalkan ahli waris dalam keadaan yang mencukupi adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang ramai”. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim) (Hadis 1628)

3. Ijmak

Telah berlaku ijmak dalam kalangan para sahabat bahawa wasiat adalah diharuskan.

5. Rukun Dan Syarat

Bagi memastikan wasiat dilaksanakan dengan adil dan saksama, Islam telah menetapkan garis panduan dalam meletakkan syarat-syarat serta hukum-hukum tersendiri bagi menguruskan wasiat. Syarat-syarat ini boleh dikategorikan mengikut rukun-rukun wasiat iaitu: (Dr. Mustafa al-Bugho et al, 2008)

- i. Pewasiat (*Musi*), ialah orang yang membuat tawaran berwasiat semasa hidup
- ii. Penerima wasiat (*Musa Lah*), ialah orang yang menerima wasiat yang dibuat oleh pewasiat atau al-musi.
- iii. Harta yang diwasiatkan (*Musa Bih*), harta yang hendak diwasiatkan itu hendaklah *mal hakiki* seperti harta alih dan harta tak alih dan *mal hukmi* iaitu manfaat.
- iv. Sighah (*Ijab Qabul*).

Fuqaha bersepakat bahawa wasiat mestilah dilakukan oleh seseorang yang boleh menguruskan hartanya, berakal dan baligh, rela hati melakukan wasiat serta memiliki harta yang ingin diwasiatkan itu. Maka tidak sah wasiat yang dilakukan oleh orang gila, kanak-kanak kecil, dan sebagainya yang tidak mencukupi syarat-syarat tersebut.

Manakala syarat bagi penerima wasiat terbahagi kepada dua kategori sama ada dalam bentuk individu atau institusi. Jika penerima wasiat adalah dalam bentuk institusi ianya mesti sebuah institusi yang mendatangkan kebaikan bukan bertujuan maksiat. Penerima wasiat juga mestilah wujud secara hakiki, diketahui dengan jelas, bukan dari golongan kafir harbi dan juga orang itu pandai dalam memilik dan memberi harta. Jika penerima wasiat dari kalangan ahli waris maka perlu mendapat persetujuan dari waris-waris yang lain.

Dari sudut harta yang diwasiatkan pula islam mensyaratkan harta itu hendaklah harta *mutaqawwim* iaitu harta yang boleh dimanfaatkan di sisi syarak. Selain itu, harta itu juga boleh dijadikan hak pemilikan serta wujud dalam pemilikan pewasiat pada masa wasiat itu dilakukan. Harta yang ingin diwasiatkan itu mestilah tidak terikat dengan hutang yang ditanggung oleh pewasiat pada masa kematianya dan harta itu hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 harta pewasiat kecuali telah dipersetujui oleh ahli-ahli waris selepas kematianya.

Antara syarat yang diletakkan pada sighah ialah sighah hendaklah dengan lafaz yang *sorih, kinayah* ataupun isyarat. Qabul hendaklah diterima oleh penerima wasiat individu tertentu, jika penerima institusi maka tidak disyaratkan qabul. Qabul oleh penerima wasiat hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat dan penerimaan atau penolakan yang dibuat pada masa hidup pewasiat tidak diambil kira.

6. Hukum Berwasiat

Telah berlaku kesepakatan ulama bahawa pada awalnya wasiat adalah wajib untuk dua ibu bapa dan kaum kerabat berdasarkan Ayat 180, Surah Al-Baqarah, iaitu bagi mereka yang mempunyai harta yang banyak. Tetapi selepas turunnya ayat mengenai pewarisan (ayat al-mawarith), maka berlaku perselisihan dalam kalangan fuqaha tentang hukum wasiat kepada tiga pendapat:

- a. Pendapat jumhur fuqaha yang terdiri daripada mazhab empat berpendapat bahawa wasiat adalah sunat (*mandub*) dan digalakkkan. Kewajipan berwasiat dalam Ayat 180, Surah Al-Baqarah telah dinasakhkan dengan ayat al-mawarith dan oleh hadis Rasulullah S.A.W yang mafhumnya:
“Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya maka tidak harus berwasiat kepada ahli waris”. (Hadis riwayat Tirmizi dan Abu Daud) (Sunan Abi Daud, Hadis 2870, 1999)
Pendapat ini menjadi pegangan dan amalan pelaksanaan wasiat di Malaysia.
- b. Pendapat segolongan fuqaha tabiin dan mereka yang kemudiannya, bahawa wasiat adalah wajib sama seperti hukum asalnya bagi mereka yang mempunyai harta. Demikian juga Ibn Hazm berpendapat bahawa wasiat adalah fardu bagi mereka yang meninggalkan harta. Golongan ini berpegang kepada Ayat 180, Surah Al-Baqarah kerana ayat tersebut menasakhkan hukum wajib berwasiat kepada dua ibu bapa dan kaum kerabat yang menjadi ahli waris dalam pusaka tetapi hukum kewajipan berwasiat kepada bukan waris masih berkekalan.
- c. Pendapat Daud al-Zahiri bahawa hukum wasiat adalah wajib bagi dua ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak menerima harta pusaka.

Hukum berwasiat terbahagi kepada lima bahagian berdasarkan keadaan-keadaan tertentu iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hukum wasiat akan menjadi wajib jika terdapat keadaan di mana ada keperluan bagi pemulangan barang pinjaman, pembayaran hutang yang tidak diketahui oleh ahli waris serta tanggungan seperti haji, zakat, fidyah puasa dan lain-lain. Sunat berwasiat kepada kaum keluarga yang tidak layak mewarisi dan untuk tujuan kebajikan. Manakala hukum berwasiat adalah harus jika penerima wasiat terdiri dari kalangan orang-orang kaya. Wasiat adalah makruh jika dibuat untuk orang-orang fasik dan sentiasa melakukan maksiat. Manakala haram jika sesuatu wasiat dibuat untuk tujuan yang bercanggah dengan hukum syarak dan memudaratkan. “Wasiat-wasiat tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudharat (kepada waris-waris). (setiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.” (Dr. Wahbah Zuhaili, 1985)

7. Hikmah Pensyariatan Wasiat

Didalam setiap pensyariatan pasti ada hikmah yang tersembunyi di dalamnya. Antara hikmah yang terkandung di dalam pensyariatan wasiat termasuklah, ianya merupakan amalan kebajikan yang direhdai oleh Allah S.W.T. dan dilakukan oleh mereka yang bertakwa kepadaNya dengan cara menggunakan harta dan manfaat yang mereka miliki. Amalan berwasiat ini juga merupakan satu peluang keemasan yang perlu digunakan sebaik-baiknya bagi umat islam untuk menghubungkan kebaikan yang diperolehi di dunia ini dengan pahala dan kebaikan di akhirat nanti. Selain itu, pelaksanaan wasiat juga membolehkan seseorang

ahli keluarga terdekat yang terhalang daripada mewarisi harta pusaka oleh sebab-sebab tertentu menerima harta si mati selain ianya dapat memberikan kebaikan kepada anak-anak yatim terutamanya dalam kalangan mereka yang mempunyai pertalian darah si mati. Seandainya wasiat dilaksanakan dengan tatacara atau prosedur yang betul sebagaimana yang digariskan oleh syarak, maka ia akan menghindarkan pertelingkahan dan pergaduhan dalam kalangan ahli keluarga dan sekali gus akan mengeratkan tali persaudaraan sesama mereka. Wasiat turut membawa maslahah yang besar kepada masyarakat. Hal ini adalah kerana wasiat adalah pintu atau jalan infaq yang membawa kebaikan kepada ummah sejagat. (Dr. Mustafa al-Bugho et al, 2008)

8. Pembatalan Wasiat

Pembatalan wasiat boleh berlaku berdasarkan sebab-sebab seperti berikut:

- a. Hilang kelayakan atau keahlian pewasiat seperti gila yang berterusan selepas wasiat dibuat, sama ada gila itu sampai mati atau sebaliknya menurut Mazhab Hanafi dan Syafii.
- b. Penerima wasiat meninggal dunia terlebih dahulu daripada pewasiat.
- c. Kerosakan atau kebinasaan seluruh harta yang diwasiatkan. Kebinasaan sebahagian harta tidak membatalkan wasiat yang dibuat.
- d. Penolakan wasiat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat.
- e. Penarikan balik oleh pewasiat terhadap wasiat yang dibuat pada bila-bila masa sebelum kematian, sama ada dengan sebab-sebab tertentu atau tanpa sebab. Penarikan balik boleh dibuat melalui percakapan atau perbuatan.
- f. Pewasiat tidak mempunyai hak milik sempurna terhadap harta yang diwasiatkan pada masa kematian.
- g. Wasiat yang dibuat untuk tujuan maksiat, dan harta yang diwasiatkan itu harta yang tidak bernilai dari segi syarak seperti alat-alat muzik untuk tujuan hiburan.
- h. Wasiat yang dibuat kepada ahli waris yang tidak mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain selepas kematian pewasiat mengikut pendapat jumhur fuqaha selain Mazhab Maliki.
- i. Wasiat yang dibuat melebihi kadar $\frac{1}{3}$ harta pewasiat dan tidak mendapat persetujuan ahli-ahli waris selepas kematian pewasiat.
- j. Tidak berlaku syarat yang ditetapkan dalam wasiat.

9. Wasiat Dan *Maqasid Al-Syariah*

Bahagian ini menerangkan hubungan antara wasiat dan *Maqasid al-Syariah* yang dilihat dari sudut penjagaan *al-Kulliyat al-Khams* dan daripada aspek elemen *maslahah* dan *mafsadah* dalam perlaksanaan wasiat. Menurut Raisuni, maqasid adalah tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh Allah untuk merealisasikan kemaslahatan hamba. Secara kesimpulan, *Maqasid al-Syariah* adalah himpunan yang menunjukkan pensyariatan hukum-hukum dalam menjaga kemaslahatan hukum-hukum syariah. Contohnya, seperti *maslahah* dalam ibadah berpuasa adalah untuk mencapai taqwa. (Nuruddin Bin Mokhtar al-Khadimi, 2001).

A. Wasiat dalam penjagaan *al-Kulliyat al-Khams*.

1) Wasiat dan penjagaan agama.

Penjagaan imej agama itu sendiri daripada dipandang buruk oleh orang lain adalah salah satu bentuk penjagaan agama. Segala perkara atau usaha yang menjurus ke arah itu boleh dianggap sebagai memenuhi konsep maqasid al-Shariah dalam penjagaan

agama. Dalam konteks wasiat pula, pensyariatan wasiat yang merupakan salah satu instrumen yang terbaik dalam pengurusan harta peninggalan si mati membuktikan bahawa agama Islam merupakan agama yang bersifat holistik dan menyeluruh yang meliputi setiap aspek kehidupan seseorang.

Dari sudut penjagaan agama si mati pula, wasiat merupakan satu wasilah bagi memastikan si mati sentiasa mendapat pahala yang berkekalan dan berpanjangan walaupun dia telah meninggal dunia bagi memastikan kehidupannya di hari akhirat kelak lebih terjamin. Atas dasar inilah, Nabi Muhammad S.A.W. bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A.:

“Sekiranya seseorang manusia itu meninggal dunia, maka akan terputuslah segala amalnya melainkan daripada tiga perkara; (1) sedekah jariah, (2) ilmu yang dimanfaatkan, atau (3) anak yang soleh yang mendoakan baginya” (Sahih Muslim, hadis:1631)

2) Wasiat dan penjagaan jiwa

Wasiat bukanlah satu pensyariatan yang menjurus kepada penjagaan jiwa dan nyawa, namun kesan pemberian wasiat kepada individu yang boleh membawa kepada penghasilan *Maqṣad* penjagaan jiwa dan nyawa adalah sangat dituntut. Justeru, pewasiat mestilah bijak dalam menguruskan wasiatnya dengan mengutamakan mereka yang lebih memerlukan harta.

3) Wasiat dan penjagaan akal

Wasiat juga adalah satu elemen yang dapat merealisasikan *Maqsad* penjagaan akal. Wasiat yang terarah kepada pembinaan institusi pendidikan dan pusat pengajian dapat membantu kearah pembangunan modal insan yang kesannya menghasilkan maqsad penjagaan akal. Wasiat juga dapat merealisasikan *Maqṣad* penjagaan akal. Wasiat kepada pembinaan institusi pengajian dan pusat penyelidikan, umpamanya dapat membantu ke arah penghasilan *Maqṣad* penjagaan akal yang mana merupakan antara Maqṣad yang utama dalam Islam.

4) Wasiat dan penjagaan nasab

Dari sisi yang lain, wasiat juga membantu dalam menjaga keturunan dan mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim. Perkara ini berlaku apabila terdapat ahli keluarga si mati yang tidak mendapat bahagian dalam pembahagian harta pusaka yang boleh membawa kepada percaduhan yang berkemungkinan membawa kepada *mafsadah* kepada keturunan si mati. Dalam kes seperti ini, wasiat memainkan peranan bagi memastikan ahli-ahli keluarga yang tidak mempunyai bahagian dalam harta juga turut mendapatkan bahagian mereka melalui instrumen wasiat.

5) Wasiat dan penjagaan harta.

Wasiat adalah salah satu kaedah pengurusan harta. Hal ini secara nyata menunjukkan bahawa pensyariatan wasiat adalah untuk menjaga harta pewasiat daripada berlaku kemungkinan yang tidak diingini. Islam sangat menitikberatkan penjagaan harta dan pengurusan harta secara bijak dan terurus. Justeru, pensyariatan wasiat merupakan salah satu wasilah yang disediakan oleh syarak bagi memenuhi *Maqṣad* penjagaan harta.

B. *Maslahah* dan *Mafsadah* dalam Perlaksanaan Wasiat

Maslahah adalah lawan kepada *mafsadah*. Secara asasnya *maslahah* adalah merujuk kepada sesuatu yang baik. Izzudin bin Abdus Salam menerangkan maslahah adalah kelazatan dan sebab-sebabnya. (Nuruddin Bin Mokhtar al-Khadimi,2001). Manakala *mafsadah* pula adalah merujuk kepada sesuatu yang buruk. Namun, dalam penentuan hukum syarak berdasarkan konsep ini, bukanlah semua jenis maslahah dan *mafsadah* ini boleh diterima, bahkan ada kriteria-kriteria yang tertentu yang diiktiraf oleh syarak sahaja yang boleh diambilkira. (Muhammad Tahir Ibnu Asyur, 1988).

Sekiranya berlaku pertembungan *mafsadah* dan *maslahah* yang setaraf, menolak *mafsadah* adalah diutamakan berbanding menghasilkan *maslahah* sekiranya kedua-duanya berada pada peringkat yang sama. Dalam konteks amalan wasiat, kaedah ini boleh diaplikasikan dalam masalah si mati yang mempunyai tunggakan zakat, sama ada zakat didahulukan daripada wasiat ataupun sebaliknya. Dari sudut pandang *maqasid*, mengutamakan zakat daripada wasiat adalah lebih rajih. Keutamaan ini dilihat oleh kerana zakat merupakan satu tuntutan agama, maka penjagaan agama daripada *mafsadah* iaitu tidak mengeluarkan zakat perlu diutamakan berbanding *maslahah* yang terhasil dari wasiat.

Selain itu, berpandukan pada konsep ini pewasiat sama sekali tidak boleh memberikan wasiat kepada seseorang yang diyakini akan menggunakan harta yang diperolehinya secara haram. Maka ianya boleh dilihat diantara *maslahah* yang terhasil iaitu pewasiat mendapatkan ganjaran daripada amalan wasiat dan *mafsadah* iaitu penerima wasiat menggunakan harta wasiat kepada sesuatu yang haram. Justeru itu, sewajarnya diutamakan pencegahan *mafsadah* yang akan berlaku dengan melarang pemberian wasiat kepada seseorang yang diyakini menggunakan wasiat ke jalan yang tidak direhdai. (Hazliza Binti Talib et al, 2015)

10. Wasiat Di Mais

Pengurusan wasiat orang islam di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mula dilaksanakan pada tahun 2005. Ianya merupakan salah satu langkah proaktif dalam membantu umat islam mengurus dan merancang harta mereka. Bidangkuasa MAIS untuk melaksanakan pengurusan wasiat orang islam telah disebutkan secara jelas di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 pada seyksen 5 (4), “*Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.*” (Sri Hartini Md Noh, 2014)

Selain dari itu, di bawah Seksyen 81 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan: “*Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.*” (Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999)

Maka sebuah unit yang dinamakan Unit Wasiat dan Amanah telah ditubuhkan di bahagian yang berfungsi menerima permohonan wasiat dan melaksanakan wasiat daripada umat islam di negeri Selangor.

Manakala pengstrukturran semula MAIS pada 1 Februari 2012 telah membuka lagi ruang kepada umat Islam untuk terus menggunakan kemudahan ini apabila diwujudkan Seksyen Wasiat & Hibah di bawah Unit Amanah yang bidang tugasnya khusus untuk menguruskan permohonan dan pelaksanaan wasiat & hibah di negeri ini.

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 merupakan pelopor kepada perjalanan pengurusan wasiat orang Islam di negara ini. Ia memperuntukkan beberapa perkara berkaitan pelaksanaan wasiat, penarikan balik wasiat, penerimaan dan penolakan wasiat dan beberapa peruntukan penting yang memandu perjalanan sistem wasiat orang Islam berdasarkan hukum syarak. Pemakaian enakmen wasiat sedikit sebanyak telah membantu perjalanan mahkamah di dalam menentukan sesuatu pertikaian ke atas wasiat yang dibuat oleh si mati daripada satu pihak di Mahkamah Syariah negeri Selangor.

Bagi melancarkan perjalanan pengurusan wasiat di MAIS, maka satu kaedah yang dinamakan sebagai Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 telah digubal dan diwartakan berdasarkan peruntukan Seksyen 29, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999[21] Kaedah ini menjadi garis panduan di dalam menyediakan dokumen wasiat bertulis dan pelaksanaan wasiat tersebut kepada mana-mana pihak yang melantik MAIS sebagai wasi kepada wasiat mereka.

Pengurusan Harta Orang Islam telahpun dilaksanakan oleh institusi samada badan berkanun, firma guaman ataupun syarikat swasta. Sebagai contoh Amanah Raya Berhad dibawah seksyen 11-14 Public Trust Corporation Act, 1995 (akta 532) telah diberi kuasa untuk bertindak sebagai pemegang amanah, wasi, pentadbir dan sebagainya. Kewujudan agensi seperti di atas sudah pasti menjadi satu cabaran buat MAIS untuk bersaing dalam bidang perkhidmatan wasiat khususnya kepada orang Islam.

Antara objektif utama pengurusan wasiat orang islam MAIS bukan untuk bersaing dengan agensi-agensi tersebut, akan tetapi matlamat utamanya adalah untuk menzahirkan peranan MAIS sebagai badan kebijakan dan menguruskan harta umat islam. Selain itu, ia turut berperanan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran dengan menyebarkan maklumat berkenaan wasiat kepada umat islam khususnya di negeri Selangor.

10.1 Aktiviti Dan Program Wasiat Di Mais

Di dalam melaksanakan terimaan permohonan wasiat, MAIS selaku satu-satunya MAIN yang melaksanakan perkhidmatan seumpama ini menggunakan pelbagai pendekatan aktiviti dan program bagi memasarkan produk wasiat kepada seluruh umat Islam negeri Selangor.

Antara aktiviti dan program promosi yang dilaksanakan adalah seperti ceramah, pameran, khidmat runding cara, bacaan khutbah jumaat, pengiklanan di media cetak dan edaran pamphlet dan poster.

Langkah ini diambil berikutan statistik orang yang menulis wasiat adalah terlalu rendah. Berdasarkan stastistik yang diperolehi, setakat ini hanya 100,000 sahaja orang yang menulis wasiat di Malaysia berbanding 10 juta individu yang layak menulis wasiat. Daripada jumlah tersebut hanya 20% sahaja terdiri dari kalangan orang Islam. Hal ini memberi gambaran bahawa kesedaran orang Islam tentang kepentingan wasiat masih berada di tahap yang rendah berbanding orang bukan Islam. (Indera Shahril Bin Mohd Shahid)

10.2 Prosedur Wasiat Di Mais

Sesuatu permohonan wasiat di MAIS dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti berikut: (Indera Shahril Bin Mohd Shahid)

A. Permohonan Wasiat

Sesuatu permohonan wasiat boleh dibuat oleh mana-mana orang Islam dengan mengisi borang permohonan wasiat.

Dalam permohonan tersebut, ia perlu dilampirkan dokumen-dokumen berikut:

- i. Sesalinan dokumen pengenalan diri pewasiat.
- ii. Sesalinan dokumen pengenalan diri waris-waris terdekat.
- iii. Sesalinan dokumen pengenalan diri saksi-saksi.
- iv. Sesalinan dokumen harta alih dan tak alih pewasiat.
- v. Sesalinan dokumen hutang pewasiat.

Dokumen-dokumen tersebut akan disemak secara teliti termasuk segala pernyataan-penyataan yang dinyatakan dalam borang permohonan wasiat.

Kadar fi sebanyak RM380 akan dikenakan bagi proses pendaftaran, penyediaan dan mendokumenkan wasiat tersebut menjadi Dokumen Wasiat Bertulis, MAIS.

B. Penyediaan Dokumen Wasiat Bertulis

Satu draf Dokumen Wasiat Bertulis akan disediakan dan disemak oleh pewasiat sebelum dimuktamadkan menjadi Dokumen Wasiat Bertulis.

Setelah pewasiat berpuashati, pihak MAIS akan menyediakan Dokumen Wasiat Bertulis yang kemudiannya akan ditandatangan oleh pewasiat dengan disaksikan oleh saksi-saksi.

Dokumen Wasiat Bertulis yang telah ditandatangani oleh pewasiat dan saksi-saksi itu hendaklah disahkan oleh pihak MAIS dan dimeterai.

C. Penyimpanan Wasiat

Dokumen Wasiat Bertulis yang disediakan hendaklah dibuat dalam dua salinan yang setiap satunya akan disimpan oleh pewasiat dan MAIS.

Penyimpanan Dokumen Wasiat Bertulis akan disimpan di peti besi yang tidak dapat diakses melainkan oleh pegawai yang diberi kuasa mentadbir wasiat tersebut. Tempoh penyimpanan wasiat akan tamat sebaik sahaja pembacaan wasiat dibuat oleh pegawai MAIS di hadapan benefisiari, waris dan saksi-saksi.

D. Pindaan atau Pembatalan Wasiat

Sesuatu pindaan ke atas Dokumen Wasiat Bertulis boleh dilakukan dengan mengemukakan permohonan bertulis dan akan dijadikan Dokumen Wasiat Bertulis yang baru. Dokumen Wasiat Bertulis yang baru tersebut akan membatalkan Dokumen Wasiat Bertulis yang terdahulu.

Manakala bagi pembatalan Dokumen Wasiat Bertulis, hendaklah dilakukan dengan mengemukakan surat permohonan pembatalan wasiat. Satu surat perakuan pembatalan wasiat akan dikeluarkan oleh pihak MAIS bagi memperakui pembatalan wasiat tersebut.

E. Pengemaskinian Status Pewasiat

Maklumat pewasiat sama ada secara bertulis atau lisan hendaklah diperolehi dan direkod oleh pegawai MAIS pada setiap tempoh 3 hingga 6 bulan sekali bagi memastikan pewasiat masih hidup atau telah meninggal dunia. Pada masa yang sama, pewasiat juga boleh dari semasa ke semasa menghubungi pihak MAIS bagi menyatakan status terkini pewasiat.

F. Pelaksanaan Wasiat

Pelaksanaan wasiat dilakukan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

1. Penerimaan maklumat kematian pewasiat;
2. Pembacaan wasiat;
3. Siasatan;
4. Penilaian harta;
5. Pengesahan wasiat (jika perlu); dan
6. Pelaksanaan wasiat

i. Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat

Penerimaan maklumat kematian pewasiat boleh diperolehi melalui aduan waris-waris atau saksi atau mana-mana pihak dengan cara berikut:

1. Sijil Kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara;
2. Permit Penguburan atau Pengebumian; atau
3. Perintah Anggapan Kematian dari mahkamah.

ii. Pembacaan Wasiat

Satu surat pemberitahuan kepada benefisiari, waris-waris dan saksi-saksi akan dikeluarkan oleh MAIS bagi tujuan pembacaan Dokumen Wasiat Bertulis.

Pembacaan wasiat akan dibuat di hadapan benefisiari, waris-waris dan saksi-saksi di mana-mana lokasi yang ditentukan berdasarkan persetujuan MAIS dan benefisiari dan waris-waris.

iii. Siasatan

1. Siasatan Benefisiari dan Waris

Siasatan akan dibuat oleh pihak MAIS bagi mendapatkan maklumat benefisiari dan waris yang berkepentingan ke atas harta pewasiat. Ia bertujuan bagi memastikan kesahihan dan tidak bercanggah dengan maklumat yang dinyatakan dalam Dokumen Wasiat Bertulis.

2. Siasatan Harta

Siasatan berkenaan harta pewasiat akan dibuat melalui keterangan dan maklumat yang diperolehi daripada waris-waris, benefisiari atau saksi-saksi bagi memastikan maklumat harta pewasiat bertepatan atau bercanggah seperti di dalam Dokumen Wasiat Bertulis.

Siasatan juga akan meliputi hutang-hutang pewasiat dengan pemutang atau hutang penghutang dengan pewasiat.

iv. Penilaian Harta

Penilaian harta hendaklah dibuat ke atas harta-harta milik pewasiat bagi mendapatkan nilai am daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) atau mana-mana jurunilai berdaftar. Fi penilaian akan ditanggung oleh benefisiari atau waris-waris atau ditolak daripada harta-harta pewasiat.

v. Pengesahan Wasiat (jika perlu)

Sekiranya timbul pertikaian berkenaan kesahihan wasiat, benefisiari, waris-waris atau saksi-saksi dalam Dokumen Wasiat Bertulis, maka pihak-pihak yang mempertikaikan boleh mengemukakan permohonan melalui saman dan penyata tuntutan di mahkamah syariah.

Bagi negeri-negeri yang memperuntukkan wasiat wajibah, maka wasi boleh mengesyorkan kepada benefisiari dan waris-waris untuk membuat permohonan melalui saman dan penyata tuntutan di mahkamah syariah bagi mengesahkan wasiat wajibah si mati.

vi. Pelaksanaan Wasiat

Sesuatu Dokumen Wasiat Bertulis yang sah dan dipersetujui oleh waris-waris atau disahkan di mahkamah syariah boleh dilaksanakan oleh wasi dengan mendapatkan surat kuasa probet di Mahkamah Tinggi Sivil. Pada masa yang sama juga, satu surat kuasa mentadbir diperolehi daripada JKPTG bagi nilai harta yang kurang dari RM 2 juta dan Mahkamah Tinggi Sivil bagi harta yang melebihi RM 2 juta.

Surat kuasa probet yang diperolehi oleh wasi akan membolehkan harta-harta wasiat dibahagikan kepada benefisiari yang berhak dan selebihnya diberikan kepada waris-waris yang lain melalui Perintah Pembahagian harta pusaka daripada JKPTG atau Mahkamah Tinggi Sivil atau ARB dan sijil faraid daripada mahkamah syariah.

11. Penutup

Peranan MAIS sebagai sebuah badan yang mentadbir dan mengurus harta umat Islam dilihat ianya mampu membantu umat Islam melaksanakan sebarang urusan berkaitan harta. Prosedur yang ditawarkan mampu memberikan kemudahan kepada orang ramai supaya mereka dapat menguruskan harta-harta mereka sesuai dengan kehendak syarak. Produk wasiat ini perlulah diketengahkan dan diperhebat kerana mempunyai potensi yang amat besar serta mampu mendidik masyarakat untuk melaksanakan urusan berkaitan harta dengan mengikut syarak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saad Bin Abi Waqqas R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda;

“Sesungguhnya jika kamu meninggalkan warismu dalam keadaan kaya itu lebih baik bagi mereka daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin, hingga mereka meminta-minta kepada orang lain.”

Atas dasar ini, wasiat kepada ahli waris yang lebih memerlukan adalah perlu diberikan keutamaan. Hal ini mampu memberikan maslahah kepada agama, negara dan individu itu sendiri jika pengurusan harta dilaksanakan dengan terancang. Sekali gus dapat mengurangkan implikasi yang boleh berlaku seandainya harta tidak ditadbir urus dengan baik seperti mendatangkan perpecahan di kalangan ahli keluarga. Diharapkan produk wasiat di Baitulmal negeri ini mampu berkembang dan diterima baik oleh masyarakat Islam dan merintis kepada pertumbuhan yang sihat ekonomi Islam di negara ini.

Rujukan

- a) Buku
 - 1. Ibnu Manzur. t.t. *Lisan al-Arab* jilid 15. hal 227. *Dar sader* Beirut Lubnan.
 - 2. Abdul Rashid Haji Abdul Latif. 1986. *Wasiat Dalam Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
 - 3. Syeikh Khatib Asy Syarbini Rahimullah, 2012. Terjemahan *Al-Iqna'* jilid 2. *Darul Busyra*.
 - 4. Kamus Dewan (2007). edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
 - 5. Dr. Wahbah Zuhaili. 1985. Jilid 8. *Fiqh Al-Islami Wa Adillatih. Dar Al-Fikr*.
 - 6. Nuruddin Bin Mokhtar al-Khadimi. 2001. *Ilmu Maqasid Syariah. Maktabah al-Abikan*. Riyadh. Arab Saudi.
 - 7. Muhammad Masnur Hamzah. 2012. *Qamusika*. Hal 1472.
 - 8. Muhammad Tahir Ibnu Asyur. t.t. *Maqasid al-Syariah al-Islamiah. Syarikat al-Tunsiah Lil Tauzi'*.
 - 9. Abi Fida' al-Hafiz Ibnu Kathir al-Dimasyqi. 2011. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jil. 1. *Darul Fikr*.
 - 10. *Sahih Muslim Syarah Imam Nawawi*. 2003. Jilid 6. *Dar Alim al-Kitab Riyadh*.
 - 11. Sunan Abi Daud. 1999. *Dar Hadis al-Kaherah*.
 - 12. Dr. Mustofa al-Bugho. Et al. 2008. *Fiqh Manhaji. Dar al-Syamiyyah*. Beirut. Lubnan.
- b) Artikel
 - 1. Hasliza binti Talib, Norziah binti Othman, Siti Zaleha binti Ibrahim Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Dr. Nor'Adha binti Abd Hamid Abdulhakim Fakhruddeen bin Muhamad Ridzuan, 2015, Maqasid Al-Syariah Dalam Perlaksanaan Wasiat, World Academic and Research Congress 2015.
 - 2. Dr. Akmal Hidayah Halim, T.T, Wasiat dan Hibah:Hukum Dan Prosedur.
 - 3. Manual Pengurusan Wasiat (Jawhar), 2010, Jabatan Perdana Menteri.
 - 4. Indera Shahril Bin Mohd Shahid, T.T, Pengurusan Wasiat Orang Islam Di Baitulmal MAIS.
 - 5. Buletin Edisi, Isu September 2014 Halaman 3 Kepentingan Berwasiat Cabaran & Pelaksanaannya di Negeri Selangor Sri hartini Md Noh Daripada Kertas Kerja Pengurusan Wasiat MAIS Kronologi Isu Dan Cabaran.
- c) Laman Web
 - 1. <http://www.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011>
 - 2. <http://www.mais.gov.my/perkhidmatan/perkhidmatan-baitulmal/pengurusan-wasiat>
 - 3. <https://www.facebook.com/notes/majlis-agama-islam-selangor/pengurusan-wasiat-orang-islam-di-baitulmal-mais/>
- d) Temubual
 - 1. Muhammad Azri Safwat Bin Rizan, Pegawai Majlis Agama Islam Selangor daerah Kuala Langat. 24/10/2016.